

AKUAN BERKANUN
PENGISYTIHARAN HARTA

Saya, **Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail** (No. kad pengenalan: [REDACTED])
yang beralamat di [REDACTED]
dengan ini membuat akuan berkanun mengikut Akta Akuan Berkanun 1960 bagi
tujuan mengisytiharkan harta saya sebagai seorang yang berminat menjadi calon
bagi Pilihan Raya Umum ke 14. Akuan bersumpah ini di buat sejajar dengan
sebahagian dari syarat-syarat yang ditetapkan oleh INVOKE sebagai pertukaran
kepada khidmat sokongan kempen pilihanraya yang disalurkan oleh rakyat Malaysia
melalui INVOKE.

Oleh itu, saya dengan ini mengisytiharkan perkara-perkara berikut:

1. Saya adalah seorang penjawat awam Kerajaan Pulau Pinang dan bekas Ahli
Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.
2. Saya sudah berumah tangga dan mempunyai seorang isteri dan lima orang
anak yang berumur 28, 24, 21, 18 dan 14.
3. Sepanjang masa saya berkhidmat sebagai seorang penjawat awam, Ahli
Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, saya tidak pernah
menyalahgunakan kuasa saya untuk memperkayakan diri saya, isteri saya
dan anak-anak saya.

4. Jumlah nilai aset bersih saya pada 30 haribulan September 2017 adalah dianggarkan sebanyak RM1,660,000. Senarai harta, hutang, pendapatan dan perbelanjaan saya terkandung di dalam Lampiran 1.
5. Kesemua anggaran yang terkandung di dalam pengisytiharan ini dibuat dengan usaha terbaik dan berdasarkan dokumen, rekod dan/atau ingatan saya. Semua aset yang diberi nilai pasaran terkini adalah berdasarkan anggaran terbaik saya.

Saya dengan ini mengesahkan kesemua kenyataan di atas serta maklumat di dalam Lampiran 1 adalah pengisytiharan harta, hutang, pendapatan dan perbelanjaan saya. Saya membuat akuan ini dengan percaya bahawa akuan ini benar dan mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan sesungguhnya)
 diakui oleh saya,)
 Saifuddin Nasution bin Ismail)
 di Sg. Petani)
 pada 17 NOV 2017)



Di hadapan saya




No. 165 Tingkat 2,
 Jalan Lagenda Heights 1, Lagenda Heights,
 08000 Sungai Petani,
 Kedah Darul Aman.

LAMPIRAN 1

1 ASET SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2017

1.1 TUNAI & SIMPANAN

JENIS	JUMLAH (RM)
Tunai / Simpanan / Deposit Tetap / KWSP/ KWAP / Lain	
Wang Simpanan di Maybank	105,000
Wang Simpanan di Public Bank	70,000
KWSP	145,000
Tabung Haji	2,500
Jumlah	345,000

1.2 HARTANAH SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2017

JENIS	TAHUN PEMILIKAN	CARA PEMILIKAN	NILAI PASARAN SEMASA (RM)
Kediaman / Komersial/ Tanah / Lain		Pembelian / Warisi/ Hadiah/ Lain	
Rumah di Machang	2009	Pembelian	780,000
Pangsapuri di Sunway Damansara	2015	Pembelian	680,000
Jumlah			1,460,000

1.3 KENDERAAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2017

JENAMA, TAHUN	TAHUN PEMILIKAN	CARA PEMILIKAN	NILAI PASARAN SEMASA (RM)
		Pembelian / Warisi/ Hadiah/ Lain	
BMW 320i, 2016	2016	Pembelian (terpakai)	190,000
Mitsubishi Triton, 2015	2015	Pembelian	90,000
Toyota Altis, 2014	2014	Atas nama sahaja bukan pemilik; Pemilik dan tanggungan anak lelaki	75,000
Perodua MyVi	2015	Atas nama sahaja bukan pemilik; Pemilik dan tanggungan anak perempuan	28,000
Jumlah			383,000

2 HUTANG SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2017

JENIS PINJAMAN Kereta/Hartanah/ Peribadi/ Kad kredit,	PEMIUTANG	JUMLAH HUTANG (RM)
Pinjaman kereta-kereta	Public Bank	156,000
Pinjaman hartanah	Public Bank	372,000
Total		528,000

3 NILAI ASET BERSIH SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2017

JUMLAH ASET (RM)	JUMLAH HUTANG (RM)	JUMLAH BERSIH (RM)
2,188,000	528,000	1,660,000

4 PENDAPATAN BULANAN PADA 30 SEPTEMBER 2017

JENIS PENDAPATAN	BUTIR PENDAPATAN	PENDAPATAN BULANAN SEMASA (RM)
Gaji & Elaun	Penjawat Awam	12,000
Pencen	Ahli Parlimen	2,800
Pencen	Ahli Dewan Undangan Negeri	2,900
Jumlah		17,700

5 PERBELANJAAN BULANAN PADA 30 SEPTEMBER 2017

JENIS PERBELANJAAN	BUTIR PERBELANJAAN	PERBELAJAAN BULANAN SEMASA (RM)
Pinjaman Rumah	Bayaran Pangsapuri Sunway Damansara	2640
Pinjaman Kenderaan	Bayaran kereta BMW	1408
Pinjaman Kenderaan	Bayaran kereta Triton	1253
Pinjaman Kenderaan	Bayaran kereta Altis	423
Pinjaman Kenderaan	Bayaran kereta Myvi	509
Bil Harian	Telefon, Unifi, air, elektrik, petrol, dapur	2000
Nafkah kepada Isteri	Isteri ada pendapatan sendiri	2000
Sumbangan kepada rakyat	Derma, kecemasan, kebajikan	2000
Sumbangan kepada ibu bapa	Ibu tinggal di Bukit Mertajam	500
Jumlah		12,733